

BAB 5

RUMUSAN, DAPATAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penyelidik akan membuat rumusan berkaitan dengan hasil analisis yang diperolehi. Perbincangan juga akan dibuat mengenai dapatan dan hubung kaitnya dengan persoalan serta dengan kajian-kajian terdahulu. Seterusnya, berdasarkan rumusan dan perbincangan tersebut satu kesimpulan akan dibuat dan diikuti dengan cadangan-cadangan yang diharap akan meningkatkan lagi keberkesanan penyeliaan pengajaran di sekolah, juga kajian-kajian lanjutan yang sesuai untuk dilakukan berkaitan penyelidikan yang telah dijalankan ini.

5.2 Rumusan

Persoalan penyelidikan yang menjadi tumpuan untuk dikaji ialah bagi mengenal pasti hubungan demografi iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar dengan persepsi terhadap penyeliaan pengajaran. Dapatan penyelidikan yang telah dianalisis telah dikenal pasti seperti berikut

1. Majoriti responden yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah terdiri dari guru perempuan iaitu seramai 17 orang (56.7%), manakala guru lelaki, pula seramai 13 orang (43.3%).

2. Berdasarkan umur responden pula, 13 orang (43.3%) dari responden adalah berumur antara 30 hingga 39 tahun, 13 orang (43.3%) juga adalah berumur antara 40 hingga 49 tahun dan 4 orang (13.3%) berumur antara 20 hingga 29 tahun.
3. Majoriti responden adalah mempunyai kelulusan akademik ijazah iaitu 16 orang (53.3%), 10 orang (33.3%) memiliki SPM/MCE/SPVM, manakala seramai 4 orang (13.3%) yang mempunyai kelulusan STPM/HSC.
4. Berdasarkan pengalaman mengajar, terdapat 13 responden (43.3%) yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 12 tahun, 8 responden (26.7%), 8 hingga 11 tahun mengajar, 6 responden (20.0%) berpengalaman mengajar dari 4 hingga 7 tahun, dan hanya 3 responden (10.0%) yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 3 tahun.
5. Dari segi kekerapan diselia pengajaran oleh penyelia, majoriti responden, iaitu 19 responden (63.3%) yang pernah diselia di antara 1 hingga 2 kali, 6 responden, (20.0%) diselia antara 3 hingga 4 kali dan hanya 5 responden (16.7%) yang pernah diselia lebih daripada 5 kali.
6. Berdasarkan kategori penyelia yang telah menjalankan penyeliaan,

majoriti guru (responden) diselia oleh Pengetua atau Penolong Kanan, iaitu berjumlah 24 (80.0%), oleh Jemaah Nazir Persekutuan, berjumlah 5 (16.7%) dan hanya seorang responden diselia oleh Pegawai Pendidikan Daerah.

7. Dari segi kefahaman tentang penyeliaan, majoriti responden memilih bahawa penyeliaan adalah untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru, iaitu berjumlah 23 (76.7%) dari 30 responden, 5 responden (16.7%), memilih, penyeliaan harus dilihat dari sudut yang membina, hanya 2 responden (6.7%), bahawa penyeliaan bukan untuk mencari kelemahan dan kesalahan guru.
8. Dari segi persepsi guru terhadap penyeliaan secara umumnya, kita dapati majoriti responden bersetuju bahawa penyeliaan adalah berguna dalam proses pencapaian matlamat kurikulum (76.7%), dan dapat meningkatkan mutu pengajaran-pembelajaran melalui dapatan dan cadangan tentang pengurusan dan aspek pengajaran (66.7%). Responden juga turut bersetuju bahawa penyeliaan dapat menyampaikan maklumat terkini kaedah pengajaran (43.3%), tidak membebankan guru (43.3%), dapat membina keyakinan guru (43.3%), membantu guru merancang pengajaran (43.3%). Responden, dengan jumlah-jumlah peratus 40%, bersetuju dengan penyeliaan, dapat memastikan objektif pengajaran

tercapai, dapat menggalakkan guru-guru mengguna dan mengembangkan cara pengajaran tersendiri dan membantu guru dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pelaksanaan kurikulum.

9. Responden juga sangat bersetuju bahawa, penyelia perlu mempunyai kemahiran menyelia sebelum penyeliaan dibuat (50.0%), hubungan mesra perlu antara penyelia dengan guru (46.7%) juga bersetuju bahawa penyeliaan berkesan dapat membantu guru dalam penggunaan bahan, strategi dan kaedah pengajaran (43.3%).
10. Dari segi pengalaman mengajar, terdapat pemberatan yang hampir sama, iaitu antara 20.0% hingga 26.7%, bahawa guru baru mengajar perlu lebih kerap diselia.
11. Majoriti responden 'bersetuju' bahawa pengetua sebagai pemimpin pengajaran di sekolah amat sesuai menjalankan penyeliaan (43.3%).
12. Dalam proses penyeliaan pengajaran, majoriti guru bersetuju bahawa guru perlu diajak berbincang (30.0%), penentuan kelas dan mata pelajaran yang hendak diajar (36.7%) dan keseluruhan pengajaran (36.7%) sebelum penyeliaan dijalankan.

13. Semasa penyeliaan, guru juga bersetuju (70.0%) tentang aspek pedagogi diberi perhatian semasa penyeliaan di samping untuk pengumpulan data.
14. Majoriti responden bersetuju perbincangan selepas penyeliaan penting untuk mencari kelemahan dan kekuatan pengajaran (53.3%) di samping dapat membantu *guru meningkatkan prestasi* (56.7%). Juga tentang, penyeliaan bukan untuk mencari kelemahan guru (53.3%)
15. Model penyeliaan yang mengandungi 5 fasa konferensi, iaitu bermula dari sebelum penyeliaan sehingga konferensi selepas penyeliaan di persetujuan oleh guru dengan jumlah peratus, 46.7% bersetuju dan 20.0% amat bersetuju.
16. Dari segi hubungan antara jantina dengan persepsi secara keseluruhannya majoriti responden lelaki dan perempuan bersetuju dengan penyeliaan (70.0%) dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antaranya.
17. Dari segi hubungan antara umur dengan persepsi secara keseluruhannya, majoriti responden bagi ketiga-tiga peringkat umur, iaitu 20 - 29 tahun, 30 - 39 tahun dan 40 - 49 tahun adalah bersetuju dengan penyeliaan (70.0%) dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antaranya.

18. Hubungan kelulusan akademik dengan persepsi penyeliaan majoriti guru yang berkelulusan SPM/MCE/SPVM, STPM/HSC bersetuju dengan penyeliaan (85.7%) berbanding dengan lulusan ijazah (30%), juga tidak terdapat hubungan yang signifikan.

19. Hubungan pengalaman mengajar dengan persepsi penyeliaan, majoriti guru yang berpengalaman dari kurang 3 tahun hingga 12 tahun ke atas bersetuju dengan penyeliaan (70.0%), juga tidak terdapat hubungan yang signifikan antaranya.

5.3 Dapatan

Berdasarkan dapatan dan rumusan yang telah dibuat, menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pandangan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan ke atas mereka di dalam kelas, terutamanya dari segi dapat mempertingkatkan prestasi pengajaran mereka dan seterusnya ke arah tercapainya objektif pengajaran, sama ada di kalangan responden lelaki atau pun perempuan, dari segi umur, kelayakan akademik dan juga pengalaman mengajar. Kebanyakan responden juga faham tentang kepentingan penyeliaan pengajaran.

Majoriti responden adalah diselia pengajarannya oleh pengetua sekolah, jika dibandingkan dengan pihak lain, termasuk dari Jemaah Nazir Perskutuan, di mana mereka

bersetuju bahawa penyeliaan harus dilihat dari sudut yang membina, terutama untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan majoriti bersetuju dengan penyeliaan. Ini menunjukkan mereka memahami konsep penyeliaan itu sendiri dan di antara sebab yang diberi, ialah, memang wajar pengetua turut sama menjalankan penyeliaan kerana ianya bersesuaian dengan tugasnya sebagai pentadbir pendidikan dan pemimpin pengajaran. Ini bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan oleh Sharifah dan Azizah (1988), yang telah meninjau pandangan lebih kurang 260 orang guru sekolah rendah, yang antara lain mengemukakan soalan berikut :

“Apakah pendapat cikgu mengenai penyeliaan oleh guru besar terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah? Adakah cikgu bersetuju atau tidak dan apakah sebabnya cikgu berpendapat demikian?”

(Syarifah dan Azizah, 1988 : 21)

Antara sebab yang diberi untuk menyokong penyeliaan oleh guru besar adalah seperti berikut :

- a. Memang sewajarnya guru besar menyelia, kerana itu adalah tugasnya sebagai pentadbir di sekolah.
- b. Supaya guru besar memahami masalah guru di dalam bilik darjah dan secara bersama dapat menyelesaikan masalah.
- c. Memupuk perhubungan yang baik di antara guru besar dan guru.
- d. Menentukan guru mengajar dengan baik dan memastikan tiada guru

yang malas dan ponteng.

- c. Meningkatkan mutu pengajaran-pembelajaran, kerana dengan pengetahuan yang ada pada guru besar dapat meningkatkan mutu pengajaran guru, dapat mengetahui kelemahan yang wujud dari segi pengajaran dan pembelajaran murid, menilai prestasi guru, guru dapat memperbaiki diri dan sebagainya.

Hubungan mesra di antara penyelia-guru penting dalam proses penyeliaan juga dipersetujui oleh responden dengan jumlah peratus 93.4% iaitu kategori 'setuju' dan 'sangat setuju'. Ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Taharuddin (1987), yang mendapati bahawa hubungan guru dengan guru besar, sebagai penyelia, adalah penting kerana melaluinya dapat menolong serta saling faham memahami peranan masing-masing, di samping, dapat melahirkan rasa puas hati di kalangan guru. Dengan ini, sebagai pemimpin pengajaran, guru besar sebagai penyelia, haruslah menjalinkan hubungan yang baik dengan guru bagi membolehkan mereka sama-sama bekerja sebagai satu pasukan. Ini juga bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Fullan (1982), ke atas 22 buah sekolah rendah di Amerika Syarikat, yang menunjukkan bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai guru besar yang menekankan kepentingan pengajaran, pencapaian prestasi akademiknya lebih tinggi daripada sekolah-sekolah lain.

Dari segi tanggapan dan pandangan guru terhadap penyeliaan oleh pengetua, kita dapati peratus responden yang bersetuju dengan penyeliaan oleh pengetua sebagai

pemimpin pengajaran berjumlah 56.6%, iaitu 'bersetuju' dan 'sangat setuju', manakala 30.0% 'tidak pasti' termasuk juga 13.3% 'tidak setuju'. Dapatan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan dari kajian oleh Sharifah dan Azizah (1988), ke atas, 146 orang guru, menunjukkan bahawa 56% guru bersetuju diselia oleh pengetua, manakala 44% lagi dalam kategori tidak bersetuju diselia oleh pengetua. Ini adalah berpunca dari pandangan guru yang berbeza terhadap penyeliaan. Kebanyakan guru yang bersetuju diselia adalah guru yang memahami tujuan penyeliaan, yakin terhadap kewibawaan dan sifat profesionalisme pengetua, tidak berasa terancam, tidak berasa kehilangan otonomi dan mereka menganggap penyeliaan sebagai satu aktiviti untuk membantu guru dan meningkatkan prestasi murid. Ini bertepatan dengan pemerhatian yang dijalankan oleh Dwyer (1984), terhadap 17 orang pengetua, yang dikatakan berjaya dalam memainkan peranannya sebagai pemimpin pengajaran. Pengetua-pengetua itu telah memberi penekanan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan membina iklim sekolah yang dapat menggalakkan suasana pengajaran dan pembelajaran, juga turut memastikan mutu pengajaran guru yang baik melalui latihan dalam perkhidmatan, pemerhatian pengajaran dan mengadakan perbincangan dengan guru mengenai masalah pengajaran.

Dari segi kelulusan akademik dan perkaitannya dengan persepsi penyeliaan pengajaran, guru yang berkelulusan SPM/MCE/SPVM (8 daripada 10 responden) dan lulusan STPM/HSC (kesemua 4 responden) bersetuju dengan penyeliaan pengajaran dan ini berbeza dengan guru yang mempunyai ijazah, iaitu hanya 9 daripada 16 responden bersetuju dengan penyeliaan dan ini sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh

Ramaiah (1995), iaitu, responden-responden bukan siswazah mempunyai anggapan keperluan yang lebih tinggi terhadap penyeliaan berbanding dengan responden siswazah. Ini jelas menunjukkan perbezaan anggapan terhadap keperluan antara responden siswazah dengan bukan siswazah. Menurut seorang responden kajian itu, iaitu responden siswazah,

“Pengetua tidak pernah masuk ke dalam kelas saya dan membuat cerapan kerana apa yang saya ajar di dalam kelas tingkatan enam mungkin dia tak tahu pun. Apa hendak dikomen lagi?”

(Ramaiah, 1995 : 33)

Merujuk kepada petikan di atas, didapati bahawa responden yang berkelulusan ijazah tidak suka diselia atau pengajarannya dicerap kerana penyelia yang sama kelulusan adalah tidak begitu “layak”, dan ini bersesuaian dengan dapatan penyelidikan ini, iaitu pada item 12, di mana majoriti responden bersetuju bahawa penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam aspek penyeliaan sebelum penyeliaan dijalankan.

Berpandukan dapatan, item 11, tentang penyeliaan tidak menyebabkan guru merasa cemas dan tidak mengganggu pengajaran, didapati jawapannya bercampur-campur antara ‘tidak setuju’, ‘tidak pasti’ dan hanya 26.7% setuju bersetuju, ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan oleh Azali Mahbar (1992), bahawa guru sentiasa dalam kaedah resah dan gelisah dengan kehadiran penyelia atau apabila guru diberitahu ia akan diselia. Ini wujud, disebabkan pendekatan penyelia yang lebih cenderung menumpukan perhatian kepada kekurangan atau kelemahan guru sahaja.

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor demografi guru iaitu jantina, umur, kelayakan akademik dengan persepsi terhadap penyeliaan. Ini bersesuaian dengan dapatan dari kajian oleh Ramaiah (1995), bahawa tiada pertalian yang ketara antara anggapan kebergunaan penyeliaan dengan umur responden, tetapi tidak bagi faktor demografi yang lain, di mana mengikutnya, terdapat hubungan yang positif di antara jantina, kelayakan dan pengalaman mengajar, sedangkan dari dapatan ini, tidak terdapat hubungan yang signifikan.

Majoriti responden mempunyai pandangan bahawa model penyeliaan yang mempunyai lima peringkat adalah sesuai untuk digunakan dalam proses penyeliaan, iaitu bermula dari perbincangan dengan guru sebelum penyeliaan sehinggalah kepada perbincangan selepas penyeliaan dan dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Ramaiah (1995), di mana semua responden mempunyai anggapan bahawa satu model penyeliaan yang berpusingan (lima peringkat) harus dibentuk, bermula dari perbincangan sebelum penyeliaan hinggalah perbincangan selepas penyeliaan.

5.4 Cadangan

Berdasarkan daripada dapatan penyelidikan, penyeliaan pengajaran adalah penting untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru, di samping dapat membantu guru-guru dalam bidang penyediaan alat bantu mengajar, membimbing dalam penyediaan strategi pengajaran guru dan seterusnya ke arah tercapainya objektif pengajaran. Majoriti guru

yang menjadi responden penyelidikan bersetuju dengan penyeliaan dan bersedia untuk diselia. Walau bagaimana pun, terdapat beberapa aspek yang masih perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian dan pihak-pihak yang bertanggungjawab menjalankan penyeliaan seperti Jemaah Nazir Persekutuan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, pengetua atau wakilnya, termasuk juga guru-guru bagi memastikan objektif penyeliaan dapat dicapai, terutama dari segi meningkatkan prestasi pengajaran guru dan objektif pengajaran.

Berikut ini ialah cadangan-cadangan yang diperolehi dari pandangan guru-guru yang menjadi responden penyelidikan, rakan-rakan guru melalui temu bual dan perbincangan umum serta pengalaman penyelidik sendiri yang pernah diselia pengajaran dan turut menjadi penyelia pengajaran bagi pelatih-pelatih di maktab perguruan.

Cadangan pertama, konsep penyeliaan haruslah benar-benar difahami oleh kedua-dua pihak yang terlibat dalam penyeliaan, bagi memastikan, masing-masing dapat memainkan peranan ke arah mewujudkan satu penyeliaan pengajaran yang berkesan. Dengan pemahaman ini, masing-masing pihak akan benar-benar bersedia untuk proses penyeliaan pengajaran. Untuk guru-guru, kursus dalaman (in-house) adalah perlu untuk mendedahkan kereka kepada konsep dan objektif penyeliaan.

Keduanya, penyelia, juga harus memahami dengan jelas tentang keseluruhan konsep dan proses penyeliaan untuk disampaikan kepada guru-guru dengan harapan guru-guru akan lebih bersedia lagi untuk diselia. Selain dari itu, institusi latihan pendidikan

seperti Institut Aminudin Baki (IAB) perlu lebih lagi dalam memberi latihan dan input-input terbaru bersabit dengan penyeliaan kepada penyelia, lebih-lebih lagi kepada pengetua yang turut sama menjalankan penyeliaan di sekolah. Latihan yang diikuti dengan praktikalnya sekali adalah amat perlu, sama ada di peringkat dalam atau luar negeri, ke arah mereputasikan balik mereka, kerana semakin lama, contohnya pengetua menjadi pengetua, semakin lamalah ia meninggalkan, secara tidak langsung, aspek-aspek yang bersabit dengan dunia pengajaran yang disebabkan oleh kekangan-kekangan tugas pentadbiran yang semakin banyak. Dengan latihan dan input terkini, akan menjadikan mereka lebih yakin dan lebih bersedia untuk menjalankan penyeliaan, di samping lebih dipercayai kewibawaannya oleh guru-guru. Pengetua, juga sebagai penyelia, perlu menjadi model pengajaran bagi guru-guru lain, begitu juga dengan penyelia-penyelia lain. Penyelia sendiri perlu memberi contoh pengajaran dengan diperhatikan oleh guru-guru lain, dan selepasnya, perbincangan secara terbuka perlu diadakan, di mana konsep 'give and take' perlu diamalkan.

Ketiga, pengetua sebagai penyelia juga, boleh mengadakan perjumpaan dan perbincangan sesama mereka dalam usaha meningkatkan lagi proses penyeliaan, dan di sini, pertukaran pengetua dan sekolah untuk tujuan penyeliaan boleh dibuat dan ini sudah pasti akan menjadikan penyeliaan menjadi lebih berkesan, bermakna dan wujud penyelarasan. Dengan ini, penyeliaan oleh pengetua menjadi lebih keesahannya dan penyeliaan akan sentiasa ditunggu-tunggu oleh para guru.

Keempat, guru-guru yang diselia perlu juga diberi input terkini tentang aspek penyeliaan. Selain dari latihan dalaman, yang dibuat untuk mereka oleh pengetua atau pihak-pihak lain yang berkemahiran, contoh-contoh pengajaran sama ada dari dalam atau luar negeri boleh ditunjukkan sebagai panduan guru-guru dan hendaklah dipastikan tujuan penyeliaannya, bukannya wujud pilih kasih atau mencari kesalahan guru sahaja.

Kelima, garis panduan yang lebih terperinci bagi penyelia, termasuk pengetua dan guru-guru tentang penyeliaan ini, dari segi konsepnya, matlamat, rasional, contoh pengajaran dan penyeliaan, termasuk perkara-perkara yang harus dilakukan untuk satu-satu penyeliaan. Kesemua ini harus dinyatakan secara jelas dan terperinci. Dengan adanya garis panduan yang terperinci dan seragam, ini akan lebih meyakinkan guru-guru tentang pentingnya penyeliaan ini di samping dapat memantapkan lagi proses penyeliaan. Selain dari itu, satu model penyeliaan dan cerapan harus dibina untuk menstandardkan prosedur dan proses penyeliaan.

Keenam, selain penyeliaan oleh pihak yang telah di pertanggungjawabkan, pihak sekolah boleh juga mengadakan penyeliaan oleh rakan sekerja, juga mengikut prosedur biasa penyeliaan, di mana perbincangan dan dapatan seharusnya dikemukakan ke pihak atasan. Mana-mana aspek yang baik seharusnya dikumpul dan didokumentasikan untuk rujukan guru-guru lain pada masa akan datang.

Ketujuh, penyeliaan pengajaran oleh pengetua atau wakilnya, perlu dijalankan secara berterusan, tidak mengikut musim dan masa, perlu diatur satu jadual khusus tentangnya. Di sini guru perlu diberi kebebasan memilih teknik mengajar dan mata pelajaran yang hendak diajar dan hendaklah mengikut apa yang telah guru rencanakan dalam Buku Persediaan Mengajar. Pengetua atau wakilnya harus peka tentang aspek-aspek yang seharusnya dinilai dan skopnya.

Kelapan, pengetua sebagai penyelia pengajaran perlu bersifat ikhlas dan adil, kerana hubungan antaranya dengan guru semasa penyeliaan adalah sensitif dan kompleks. Pengamatan guru terhadap kejujuran pengetua adalah penting untuk menghindari perasaan bahawa pengetua menyelia untuk mencari kesalahan dirinya. Penyeliaan tidak seharusnya dilakukan sekiranya terdapat hubungan yang tidak mesra dan tegang, kerana, terdapat ikatan kemanusiaan yang erat antara penyelia dengan orang yang diselia. Perhubungan yang erat perlu dibina, yang melibatkan minat, rasa tanggung jawab, rasa gembira, kemarahan, galakan, harapan dan kepuasan hati.

Kesembilan, penyelia, semasa penyeliaan pengajaran dijalankan, perlu peka terhadap keperluan dan kekuatan yang ada pada gurunya, yang perlu dipupuk dan ini secara tidak langsung akan memberi motivasi kepada guru berkenaan untuk meningkatkan prestasi pengajaran.

5.5 Penutup

Penyeliaan pengajaran guru dalam kelas adalah penting dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru di samping ke arah tercapainya objektif pengajaran. Pihak penyelia seharusnya dapat memainkan peranan yang lebih lagi ke arah mewujudkan penyeliaan yang lebih berkesan di samping kesediaan guru-guru untuk diselia pengajarannya. Walau bagaimana pun, dalam proses menjalankan penyeliaan pengajaran, telah menimbulkan pelbagai tanggapan yang positif dan negatif dari para guru sendiri, yang disebabkan oleh beberapa faktor sama ada dari halangan penyelia atau guru itu sendiri. Walau pun begitu, melalui penyelidikan yang dibuat, bahawa guru-guru bersedia untuk diselia pengajaran mereka kerana dengan pengalaman yang ada pada penyelia, termasuk pengetua, akan membantu mereka meningkatkan prestasi pengajaran mereka, dapat menilai kekuatan dan kelemahan dan seterusnya ke arah tercapainya objektif pengajaran dan kurikulum ke arah melahirkan insan yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020.

Di samping itu, penyelidikan yang lebih komprehensif, yang melibatkan satu sampel responden yang lebih besar perlu dikendalikan untuk mendapat gambaran persepsi yang lebih komprehensif dan seterusnya dapat meningkatkan lagi keberkesanan penyeliaan serta dapat memberi manfaat kepada semua dalam dunia pendidikan di Malaysia.